

PM mahu veteran beri sumbangan

20 JUN 1991

PEMIMPIN veteran Umno yang tidak lagi memegang sebarang jawatan diminta terus menyumbang kepada parti, bukan bersetiap berkecuali atau cuba pula menghancurkannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata, langkah itu perlu bagi me-

neruskan kesinambungan perjuangan parti sebagai wadah perjuangan orang Melayu menghadapi cabaran dekad akan datang.

Katanya, ketika ini ramai pemimpin yang sudah tidak lagi memegang jawatan mengambil keputusan terus berkecuali.

"Saya berbangga de-

ngan beberapa pemimpin Umno yang sanggup meletakkan jawatan mereka kepada generasi baru tanpa menimbulkan apa-apa masalah. Saya hormati mereka dan saya lebih menghormati mereka, setelah meletakkan jawatan, masih aktif dalam Umno.

"Mereka masih sanggup

menjadi wakil dan jurucakap walaupun tidak lagi menjadi ketua bahagian atau wakil rakyat," katanya berucap menggalang perbincangan pada Perhimpunan Agung Khas Umno petang ini.

Beliau mengambil contoh Tan Sri Aishah Ghani, tokoh veteran yang per-

nah menjadi Ketua Wanita Umno dahulu dan terus aktif hingga hari ini.

Perdana Menteri berjanji beliau akan terus menyokong Umno walaupun setelah bersara nanti.

Menurutnya, ketika ini ada sesetengah pemimpin yang sudah tidak berjawatan bukan saja tidak me-

nyokong, malah bergerak menjatuhkan pemimpin Umno.

"Sebab itu saya anggap pemimpin yang termulia sekali ialah pemimpin Umno yang setelah tidak lagi menjadi pemimpin, terus bergiat dalam parti dan memberi sokongan kepada parti," katanya.